

07/07/2001

Afta: Negara Asean perlu elak diperalat

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia berpendapat, anggota Asean tidak seharusnya membenarkan diri mereka diperalatkan oleh negara bukan anggota rantau ini menerusi mekanisme Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta).

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan tindakan sesetengah negara Asean yang mengikat perjanjian perdagangan bebas (FTA) dua hala dengan bukan anggota sebagai membimbangkan.

"Itulah kita berasa khuatir sikit. Kalau kita buat macam itu, maka kemudian Afta mungkin akan diperalatkan orang lain," katanya selepas melancarkan Radio Ikim.fm di sini, hari ini.

Perdana Menteri ditanya mengenai cadangan Thailand dan Filipina untuk menandatangani FTA dengan beberapa negara lain termasuk Australia, seperti dilaporkan baru-baru ini.

Sebelum ini, Singapura juga dikatakan mengusahakan inisiatif yang sama membabitkan kerjasama untuk memeterai FTA dengan Amerika Syarikat, Jepun dan New Zealand.

Bakal ketua pengarah Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) Dr Supachai Pantichpakdi menyokong FTA tetapi mengingatkan anggota Asean lain supaya berwaspada.

Selain Malaysia, Asean turut dianggotai Singapura, Thailand, Filipina, Indonesia, Brunei, Myanmar, Laos, Kemboja dan Vietnam.

Dr Mahathir berkata, perkara itu boleh menimbulkan masalah kerana bukan mudah bagi mencapai kata sepakat bagi mendesak supaya perjanjian itu dibatalkan apabila sudah dimeterai.

(END)